



# SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/06/37 (HQ)

## TNB BERTEMU PENGGUNA MELAKA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini menganjurkan Program Bersama Komuniti (COP – *Community Outreach Program*) Peringkat Negeri Melaka sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian TNB tempatan.

Program berteraskan interaksi antara TNB dan komuniti serta pemimpin masyarakat tempatan adalah bertujuan mewujudkan hubungan dua hala yang erat selain mendapatkan maklum balas daripada para pengguna dan pemimpin-pemimpin komuniti tempatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan TNB kepada masyarakat.

Program COP yang berlangsung di Dewan Institut Latihan Perindustrian Selandar, Jasin, dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam, Pengangkutan dan Pemulihan Projek merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Asahan, Datuk Wira Abdul Ghafaar Atan.

Pengurus Besar Negeri (Melaka) Bahagian Pembahagian TNB, Baderul Sham Saad berkata, TNB sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dapat dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Tambah beliau, bagi memastikan bekalan elektrik di seluruh negeri ini adalah berdaya harap, hampir RM25.87 juta bagi penyediaan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang bagi memastikan bekalan elektrik adalah sentiasa pada tahap dayaharap yang tinggi. TNB akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri ini.

Sejak diperkenalkan pada 2005, TNB telah melaksanakan 136 program COP di seluruh Semenanjung Malaysia.

**Dikeluarkan di Jasin, Melaka pada 12 Jun 2014**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-266 2296) /*

*Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)/ Amiza Mohd Aris*